

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, February 5, 2017 9:10 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Jadikan Coe Platform Hasilkan Penyelidikan Berimpak Tinggi



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



05 FEBRUARI 2017 / 08 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

JADIKAN CoE PLATFORM HASILKAN PENYELIDIKAN BERIMPAK TINGGI



UUM ONLINE: Penyelidik UUM disarankan untuk menjadikan Pusat Kecemerlangan (CoE) baharu sebagai landasan untuk menghasilkan lebih banyak penyelidikan yang memberi impak kepada masyarakat.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, UUM menubuhkan CoE baharu pada tahun lalu yang terdiri enam University Centres of Excellence (U-CoE), 21 Schools Centres of Excellence (SCoE) dan 31 Unit Penyelidikan (RU) supaya penyelidik dan membudayakan dan meningkatkan kualiti penyelidikan dan pembangunan (R&D) universiti.

Menurutnya, dengan menfokuskan kepada lapan (8) bidang tujahan (niche area) penyelidikan UUM, ia akan membolehkan CoE universiti itu menjadi peneraju di peringkat kebangsaan dan antarabangsa selepas diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) oleh KPT.

"Justeru, untuk mencapai ke tahap itu, semua penyelidik harus banyak menghasilkan kajian atau melakukan penyelidikan yang memberi impak atau manfaat kepada masyarakat.

"Malah, penyelidikan tersebut mestilah satu ilmu baharu seperti dengan mencari punca permasalahan dalam masyarakat, seterusnya mencari penyelesaian kepada masalah itu menerusi penyelidikan," katanya pada Majlis Perjumpaan Naib Canselor Bersama Dekan, Pengarah CoE dan Ketua RU di Pusat Konvensyen, petang tadi.

Ujar beliau lagi, tumpuan kepada bidang tujahan itu juga secara tidak langsung akan menjadikan pusat kecemerlangan UUM sebagai 'solution provider' yang memberi jalan penyelesaian kepada masyarakat, industri dan agensi-agensi terlibat.

Tambahnya, seiring dengan amanat Menteri Pendidikan Tinggi yang menekankan konsep penyelidikan translasional pada 2017, penyelidik UUM harus menghasilkan kajian lebih fokus, berharga dan relevan serta berimpak tinggi kepada pembangunan sosial.

Sehubungan itu, Naib Canselor berkata, dengan adanya CoE ini akan menjadi platform dalam menyediakan sumber dari pelbagai latar belakang dan disiplin supaya dapat membantu penyelidik universiti menghasilkan bahan berkualiti.

Katanya, penyelidikan pada hari ini adalah bersifat multi-disiplin dan tidak boleh dilakukan secara individu.

Menurutnya, Pusat Kecemerlangan ini ditubuhkan agar pakar-pakar dari pelbagai disiplin dapat bersama-sama melakukan kajian dalam satu bidang fokus utama agar penyelidikan yang dilakukan adalah komprehensif dan relevan.

"Saya berharap menjelang 2020, U-CoE dan SCoE dapat bergiat aktif dalam penyelidikan dan lebih relevan serta mempunyai impak tersendiri.

"Apa yang penting adalah meletakkan penanda aras pada diri, merancang pelan jangka pendek dan panjang," ujarnya.

Menurut beliau lagi, UUM menerusi RIMC juga menyediakan peluang seperti geran penyelidikan dan insentif penerbitan, malah penerbitan jurnal dalam bidang juga boleh dilakukan dengan kerjasama UUM Press.

Sementara itu, Pengarah RIMC, Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani berkata, perjumpaan itu adalah bagi membolehkan penyelidik bertukar pandangan dan idea.

Selain itu, katanya, ia juga adalah bagi membentangkan aktiviti yang telah dilaksanakan untuk CoE pada tahun lalu, penawaran geran penyelidikan CoE, agenda terbaru, perancangan RIMC serta senarai penyelidikan U-CoE dan SCoE.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Noor Azizi Ismail dan pegawai-pegawai kanan UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.